

- 25 Bunga Kantan
- 26 Limau Pagar
- 27 Rosel
- 28 Ubi Keledek
- 29 Kangkung
- 30 Cekur
- 31 Labu Air
- 32 Salad
- 33 Petola
- 34 Pudina
- 35 Pudina
- 36 Daun Kari
- 37 Selasih Hijau/ Kemangi
- 38 Selasih Hitam
- 39 Selom/ Water Celery



PENYEDIAAN INFRASTRUKTUR YANG BOLEH DIPERTIMBANGKAN UNTUK KEBUN KOMUNITI BANDAR (URBAN COMMUNITY FARMING)

WAJIB	PILIHAN
a) Pemasangan pagar perimeter dari jenis yang bersesuaian (bergantung kepada kesesuaian tapak)	b) Batas tanaman (<i>planting beds</i>) hendaklah sistematik dan tersusun. Sebagai panduan minimum bagi batas tanaman (<i>planting beds</i>) adalah pada 2000mm panjang x 500mm lebar dan lengkap dengan kotak penanaman sebagai kemasan batas (bergantung kepada kesesuaian tapak).

- c) Pengkomposan sisa kebun. Tapak kompos hendaklah dari jenis/ rekabentuk yang dibenarkan oleh Pasukan Kerja Local Action 21 (LA21), Jabatan Kemasyarakatan MBSP.
- e) Pemasangan papan tanda pemberitahuan Kebun Komuniti Bandar (*Urban Community Farming*) @LA21 Majlis Bandaraya Seberang Perai berukuran 1.5cm lebar x 3.0m tinggi.
- f) Peralatan tanaman seperti cangkul, kotak penanaman, tanah, baja kompos dan sebagainya hendaklah disediakan oleh pihak pemohon yang berjaya. Peralatan tidak boleh ditinggalkan di kawasan kebun komuniti kerana faktor keselamatan awam.

- d) Tangki tuaian air hujan (saiz yang bersesuaian).

TEMPOH PELAKSANAAN, PENGURUSAN DAN PENYELENGGARAAN KEBUN KOMUNITI BANDAR (URBAN COMMUNITY FARMING)

Pelaksanaan Kebun Komuniti Bandar (*Urban Community Farming*) adalah bersifat sementara dengan tempoh yang dibenarkan adalah selama **dua (2) tahun** sahaja. Pihak pemohon adalah dikehendaki untuk memperbaharui semula permohonan setelah tempoh tersebut tamat sekiranya pemohon masih berminat untuk meneruskan aktiviti tersebut.

Penyerahan hak guna kepada mana-mana individu / pihak ketiga adalah **TIDAK DIBENARKAN**.

PENYERAHAN SEMULA SELEPAS TAMAT TEMPOH

Pihak pemohon perlu membuat penyerahan semula lokasi Kebun Komuniti Bandar (*Urban Community Farming*) yang terlibat kepada MBSP melalui urusetia Pasukan Kerja Local Action 21 (LA21), Jabatan Perkhidmatan Perbandarann setelah tamat tempoh yang diluluskan.

Pasukan Kerja Local Action 21 (LA21)
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran

Tingkat 2, Majlis Bandaraya Seberang Perai
Menara Bandaraya,
Jalan Perda Utama, Bandar Perda 14000,
Bukit Mertajam



KEBUN KOMUNITI BANDAR (URBAN COMMUNITY FARMING) DI SEBERANG PERAI



SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

Secara Berkumpulan (min 10 peserta)

- 1 Penglibatan masyarakat setempat secara sukarela dan mempunyai ketua kumpulan (*local champion*)
 - 2 Sekiranya ada penglibatan dari mana-mana NGO, pelaksanaan aktiviti ini perlulah mendapat persetujuan MPKK dan ianya akan menjadi tanggungjawab bersama antara kedua-kedua pihak (NGO dan MPKK)
- Surat permohonan rasmi wajib dikemukakan melalui Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK)/ KRT/ RT/ JMB/ MC/ Persatuan Penduduk sahaja yang mengandungi perkara-perkara seperti berikut :
- a) Cadangan tapak;
 - b) Status tapak (sekiranya lokasi tersebut tidak dinyatakan di dalam lampiran 1 - senarai tanah milik MBSP);
 - c) Saiz keluasan tapak yang akan digunakan;
 - d) Cadangan bahan tanaman; dan
 - e) Gambar cadangan tapak wajib dikemukakan.

LOKASI YANG DIBENARKAN

- 1 Tanah milik Majlis Bandaraya Seberang Perai

No.Lot/Mukim	Daerah	Nama Taman Lokasi	Keluasan Tanah (MP)	Keluasan Tanah (KP)	Jenis Tapak
3122	14 SPU	Taman Teras Jaya, Lorong Teras Jaya 3	37	396	Depo Sampah
2492	Ss.2 SPU	Taman Aman, Jalan Ceri 7	37	398	Depo Sampah
3173	14 SPU	Taman Mekar, Lorong Mekar 1	34.81	374	Depo Sampah
4595	Ss.3 SPU	Taman Bayu, Limang Mak Mandin 4	83.68	900	Depo Sampah
5013	6 SPU	Taman Seri Serdang, Jalan Seri Serdang	223.7	2,408	Depo Sampah
5469	6 SPU	Taman Seri Serdang, Lorong Seri Serdang 4/5	151.6	1,632	Depo Sampah
7709	6 SPU	Bandar Putra Beritam, Persiaran Sekysen 6/8	337	3,627	Depo Sampah
4157	12 SPU	Taman Seri Menerong, Lorong Seri Menerong 6	80.3	854	Depo Sampah
2121	10 SPT	Bukit Kechil	366.5952	3,946	Bekas Tangki Najis
2111	Ss.3 SPT	Jalan Arumugam Pili, Bukit Mertajam	119.1945	1,283	Bekas Tangki Najis
2129	Ss.5 SPT	Jalan Chan Ewe Pin, Bukit Mertajam	416.9487	4,487	Bekas Tangki Najis

- 2 Tanah selain hakmilik Majlis Bandaraya Seberang Perai mestilah berdasarkan kriteria berikut:

Secara Berkumpulan

Peserta	Masyarakat setempat - min 10 peserta
Kawasan lapang yang bersifar terbiar/ tidak berfungsi/ tidak dapat dimanfaatkan untuk tujuan riadah/ rekreasi. (Kawasan lapang yang diserahkan kepada Kerajaan Negeri dimana Pejabat Setiausaha Kerajaan sebagai Pegawai Pengawal dan MBSP sebagai agensi penyelenggaraan).	Surat sokongan dari Pejabat Daerah dan Tanah/Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri adalah digalakkan untuk dikemukakan bersama surat permohonan rasmi.
Lokasi yang dibenarkan	Rezab bagi parit monsun dan kolam tadahan (kering/ basah) di bawah seliaan MBSP. Perkarangan dewan orang ramai di bawah seliaan MBSP. Lain-lain kawasan/ premis dibawah selian MBSP. Permohonan yang diterima oleh urusetia LA 21 hendaklah dirujuk pada Jabatan-jabatan berkaitan untuk ulasan.
Deposit	Deposit penyelenggaraan tidak akan dikenakan. Dokumen penyediaan perjanjian disediakan oleh Jabatan Kemasyarakatan.

- 3 Tanah/kawasan yang tidak dibenarkan:

KAWASAN/ LOKASI YANG TIDAK DIBENARKAN	CATATAN
Bahu jalan (Jalan Persekutuan, Jalan Negeri, Jalan Bandaran).	Faktor keselamatan jalanraya/ pandangan lalulintas.
Lorong belakang yang berukuran 20 kaki lebar dan kebawah.	Penyelenggaraan/ kerja-kerja pembersihan am & perkhidmatan pungutan sampah.
Kawasan bercerun	Faktor kegagalan cerun/ bahaya.
Kawasan lapang yang bersifat aktif/ digunakan secara optimum oleh masyarakat setempat.	Mempunyai kemudahan riadah/ rekreasi, digunakan sebagai padang bola sepak, taman permainan kanak-kanak dan lain-lain kemudahan awam.
Taman-taman rekreasi awam/ promenade/ waterfront dibawah seliaan MBSP.	Kegunaan umum untuk tujuan riadah/ rekreasi.
Kawasan sensitif alam sekitar (KSAS)	Pemeliharaan & pemuliharaan persekitaran.

Lain-lain kawasan/ lokasi antaranya rezab bagi rentis Tenaga Nasional Berhad (TNB), parit monsun dan kolam tadahan (kering/ basah) seliaan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), mana-mana tanah rezab kerajaan seliaan Pejabat Daerah dan Tanah atau Jabatan Kerja Raya (JKR) atau Jabatan Pertanian, ruangan hijau dalam pembangunan berstrata seliaan Badan Pengurusan Bersama (JMB/ MC) dan sebagainya, hendaklah dirujuk pada pengurusan agensi kerajaan/ pihak swasta yang berkenaan.

JENIS TANAMAN DIBENARKAN

- 1 Kacang Bendi
- 2 Daun Bawang
- 3 Kucai
- 4 Lengkuas
- 5 Bayam Brazil
- 6 Bayam
- 7 Daun Saderi
- 8 Kobis Bulat
- 9 Kailan
- 10 Sawi
- 11 Cili Padi
- 12 Cili Merah
- 13 Pegaga
- 14 Limau Nipis
- 15 Limau Purut
- 16 Limau Kasturi
- 17 Ketumbar
- 18 Ujam Raja
- 19 Timun
- 20 Labu Manis
- 21 Kunyit
- 22 Serai Makan
- 23 Serai Wangi
- 24 Lobak Merah

